



# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

30 Disember 2011  
*30 December 2011*  
P.U. (A) 434

### PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECUALIAN) 2011

### REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECUALIAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) 2011.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan mana-mana orang daripada pemakaian Jadual 5 Akta bagi pembayaran cukai ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai pada atau selepas 1 Januari 2012 dengan syarat bahawa amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

A X C

B

iaitu—

(a) pelupusan dibuat dalam tempoh dua tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai iaitu—

A ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai ke atas orang itu mengikut kadar cukai yang berkenaan yang dikurangkan sebanyak amaun cukai yang

dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar sepuluh peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu mengikut kadar cukai yang berkenaan; dan

C ialah amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu; atau

(b) pelupusan dibuat dalam tahun ketiga, tahun keempat atau tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai iaitu—

A ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai ke atas orang itu mengikut kadar cukai yang berkenaan yang dikurangkan sebanyak amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar lima peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu mengikut kadar cukai yang berkenaan; dan

C ialah amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu.

(2) Jika pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu dibuat dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau mana-mana tahun selepas itu, Menteri mengecualikan mana-mana orang daripada pemakaian Jadual 5 Akta bagi pembayaran cukai ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu pada atau selepas 1 Januari 2012.

(3) Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang dikecualikan itu daripada mematuhi apa-apa kehendak

untuk mengemukakan apa-apa penyata atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah mana-mana peruntukan Akta.

**Pembatalan**

3. Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No. 2) 2009 [P.U. (A) 486/2009] yang disiarkan pada 30 Disember 2009 dibatalkan.

Dibuat 30 Disember 2011

[Perb.CR(8.20)116/1-138 (2012) (SK.1); LHDN.01/35/(S)/42/51/231-7.13; PN(PU2)325/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 9(4) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976]*

REAL PROPERTY GAINS TAX ACT 1976

REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 9(3) of the Real Property Gains Tax Act 1976 [Act 169], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Real Property Gains Tax (Exemption) Order 2011.**

(2) This Order comes into operation on 1 January 2012.

**Exemption**

2. (1) The Minister exempts any person from the application of Schedule 5 of the Act on the payment of tax on the chargeable gain in respect of any disposal of a chargeable asset on or after 1 January 2012 on the condition that the amount of chargeable gain shall be determined in accordance with following formula:

$$\frac{A \times C}{B}$$

where—

(a) disposal is made within two years after the date of acquisition of such chargeable asset where—

A is the amount of tax charged on the chargeable gain on the person at the appropriate tax rate reduced by the amount of tax charged on such chargeable gain at the rate of ten per cent;

B is the amount of tax charged on such chargeable gain at the appropriate tax rate; and

C is the amount of such chargeable gain; or

(b) disposal is made in the third year, fourth year or fifth year after the date of acquisition of such chargeable asset where—

- A is the amount of tax charged on the chargeable gain on the person at the appropriate tax rate reduced by the amount of tax charged on such chargeable gain at the rate of five per cent;
- B is the amount of tax charged on such chargeable gain at the appropriate tax rate; and
- C is the amount of such chargeable gain.

(2) Where the disposal of a chargeable asset is made in the sixth year after the date of acquisition of such chargeable asset or any year thereafter, the Minister exempts any person from the application of Schedule 5 of the Act on the payment of tax on the chargeable gain in respect of the disposal of such chargeable asset on or after 1 January 2012.

(3) Nothing in this paragraph shall absolve or is deemed to have absolved the person exempted from complying with any requirement to submit any return or to furnish other information under any provision of the Act.

### **Revocation**

3. The Real Property Gains Tax Act (Exemption) (No. 2) 2009 [P.U. (A) 486/2009] published on 30 December 2009 is revoked.

Made 30 December 2011

[Perb.CR(8.20)116/1-138 (2012) (SK.1); LHDN.01/35/(S)/42/51/231-7.13; PN(PU2)325/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection subsection 9(4) of the Real Property Gains Tax Act 1976]*